



**PEJABAT SETIAUSAHA DEWAN RAKYAT**  
PARLIMEN MALAYSIA  
BANGUNAN PARLIMEN  
JALAN PARLIMEN  
50680 KUALA LUMPUR

Telefon : 603-2072 3161 / 2601 7391  
Faks : 603-2070 4676 (SUDR)  
Email : sudr@parlimen.gov.my  
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my>

**Ruj. Tuan :**

**Ruj. Kami :** PAR. 3/398 Jld.4 (15)

31 Julai 2021

**Yang Berhormat**  
**Ahli-ahli Dewan Rakyat**

Yang Berhormat,

**MESYUARAT KHAS PENGGAL KETIGA PARLIMEN KE-14 BAGI DEWAN RAKYAT -  
PENANGGUHAN PERSIDANGAN PADA ISNIN 2 OGOS 2021**

Saya merujuk kepada pemberitahu saya [(6) dlm PAR.3/398 Jld. 4] bertarikh 15 Julai 2021.

- Pejabat Yang di-Pertua Dewan Rakyat telah dimaklumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa persidangan Mesyuarat Khas Penggal Ketiga Parlimen Ke-14 bagi Dewan Rakyat pada Isnin, 2 Ogos 2021 **ditangguhkan** ke suatu tarikh yang akan ditetapkan kelak. Pemakluman ini dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaras dengan Peraturan Mesyuarat 11(3), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.
- Penangguhan ini adalah selaras dengan cadangan Ketua Pengarah Kesihatan serta penilaian risiko semasa yang telah dijalankan oleh Kementerian Kesihatan susulan perkembangan terbaharu penularan jangkitan COVID-19 yang mana Kementerian Kesihatan berpendapat bahawa Parlimen Malaysia merupakan lokaliti berisiko untuk berlakunya penularan jangkitan COVID-19.
- Oleh itu, saya telah diarahkan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Rashid bin Hasnon (Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat) untuk mengemukakan pemberitahu ini kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Dewan Rakyat tidak bersidang pada Isnin, 2 Ogos 2021.

Sekian, terima kasih.

**"PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19"**

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**NIZAM MYDIN BIN BACHA MYDIN**  
Setiausaha Dewan Rakyat

Salinan kepada :

**YB Dato' Haji Mohd Rashid bin Hasnon**  
Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat